



PEKELILING MAJIKAN BIL 5/98
PEMBERHENTIAN SEBAGAI MAJIKAN

1. Tujuan

1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada majikan-majikan yang berdaftar dengan MPSM mengenai majikan yang menamatkan operasi.

2. Pemberhentian Sebagai Majikan

2.1 Adalah menjadi tanggungjawab mana-mana yang telah berdaftar dengan Malis dan sekiranya menamatkan operasi syarikat hendaklah memaklumkan kepada aMajlis secara rasmi dalam masa 30 hari dari tarikh terhentinya.

2.2 Mengikut seksyen 4(3) Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992, jika mana-mana orang berhenti daripada menjadi seorang majikan di bawah Akta ini, dia hendaklah dalam masa tiga puluh hari dari masa terhentinya itu memberitahu Majlis mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

2.3 Sehubungan itu majikan berkenaan perlu menyempurnakan borang 4 iaitu borang pemberhentian sebagai majikan. Borang 4 tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang dapat membuktikan pernyataan di dalam borang berkenaan. Dokumen sokongan itu juga perlu disahkan benar.

2.4 Majikan yang mengingkari peraturan ini boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 4(4) Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 iaitu, mana-mana orang yang melanggar kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Dengan terkeluarnya Pekeliling Majikan ini dan bagi mengelakkan tindakan undang-undang di ambil terhadapnya, adalah diharapkan majikan yang terhenti menjadi sebagai majikan akan mematuhi seksyen 4(3) Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992, dan tidak lagi lewat menghantar borang 4 sepertimana yang terdapat sekarang.

3. Penutup

3.1 Pekeliling Majikan Bil. 5 /98 ini berkuatkuasa mulai 16hb Julai 1998.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(YAU DE PIYAU)

Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia